

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YB MOHD RAFIZI BIN RAMLI  
[PANDAN]

**TARIKH :** 11 NOVEMBER 2014 (SELASA)

**SOALAN :**

**Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [ Pandan ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kaedah bagaimanakah rasionalisasi subsidi minyak mengikut tahap pendapatan akan dilaksanakan, bilakah ia akan dilaksanakan dan berapa ramai rakyat Malaysia yang masih dapat membeli petrol dan diesel penuh apabila ia dilaksanakan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memperbaiki kedudukan kewangan negara, Kerajaan telah mengenalpasti beberapa langkah untuk dilaksanakan dalam jangka pendek dan jangka masa sederhana, dan salah satu langkah tersebut adalah untuk merasionalisasi subsidi petrol RON95 dan diesel. Kerajaan telahpun mengurangkan subsidi bagi petrol RON95 dan diesel sebanyak 20 sen seliter pada bulan September 2013 dan pada bulan Oktober 2014. Kerajaan juga kini sedang mengkaji beberapa kaedah untuk mewujudkan sistem pemberian subsidi bersasar supaya subsidi petrol RON95 dan diesel dinikmati oleh golongan sasar. Ia melibatkan antara lain perbincangan dengan syarikat-syarikat minyak, pengusaha stesen minyak, persatuan-persatuan pengguna dan dewan perniagaan. Maklumat lanjut akan diberikan selepas kajian selesai dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.